

Dua daerah di Terengganu terjejas banjir

KUALA TERENGGANU-Keadaan banjir di negeri ini bertambah baik, dengan hanya dua daerah yang masih terlibat iaitu Hulu Terengganu dan Setiu.

Sehingga jam enam petang semalam, hanya 175 mangsa yang masih ditempatkan di tiga pusat pemindahan iaitu Pusat Pemindahan Kampung Bukit Tadok dan Balairaya Batu 23 di Hulu Terengganu serta Surau Kampung Nyatoh di Setiu.

Beberapa bilik gerakan bencana daerah telah ditutup secara rasmi semalam, iaitu di daerah Kemaman pada jam 3.30 petang, Dungun pada jam 11 pagi dan Besut pada jam 2 petang.

Manakala, berdasarkan



- 175 mangsa masih terjejas
- Hujan lebat tahap jingga

laman rasmi Jabatan Pengairan dan Saliran, paras Sungai Dungun di Jambatan Jerangau melepasi paras amaran iaitu 12.03 meter, sementara Sungai Besut di Jambatan Keruak, Sungai Dungun di Kuala Jengai, Sungai Nerus di Kampung Langkap, Setiu dan Sungai Kemaman di Rumah Pam Paya Paman telah melepasi paras berjaga-jaga.

Dalam pada itu, Jabatan Meteorologi turut mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga di beberapa negeri termasuk

Terengganu.

Menurut kenyataan itu, hujan sederhana kadangkala lebat yang sedang berlaku di Terengganu, dijangka berterusan sehingga hari ini.

Selain itu, amaran angin kencang dan laut bergelora (kategori kedua) turut dikeluarkan, dengan angin kencang Timur Laut berkelajuan 50-60 kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter (15 kaki) dijangka berlaku di kawasan perairan Kelantan dan Terengganu sehingga 24 Januari.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu, dilaporkan berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.